



Ruj Tuan :  
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (33)  
Tarikh : 16 Ogos 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

17/8.

YBhg. Tan Sri,

DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG  
(MPM 26477)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN  
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA  
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 31/2021 (1 Ogos hingga 7 Ogos 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)  
Pengarah Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia




**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 31/2021 dari 1 Ogos hingga 7 Ogos 2021)**


Pada minggu ke-31, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 16 kes (3.3%), menjadikan jumlah kes 508 berbanding 492 kes pada minggu sebelumnya. Tida kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-31. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 16,702 kes berbanding 64,396 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.1% (47,694 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 10 kematian berbanding 106 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 96 kematian (90.6%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 16 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-31 berbanding 18 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 14 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot berada di Kedah serta WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 18 kes pada minggu ke-31 yang mana 10 lokaliti dari WPKL & Putrajaya dan masing-masing empat (4) lokaliti dari Selangor serta Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 885 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 996 sampel darah dan 26 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Antara gejala awal Demam Denggi adalah demam mencejut disertai sakit belakang mata (*retroorbital pain*), sakit kepala, sakit sendi/ otot dan lain-lain lagi. Oleh itu, pengesanan awal serta rawatan awal penyakit Demam Denggi sangat penting bagi mengelakkan komplikasi penyakit terutama bagi individu yang mempunyai komorbid contohnya penyakit darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung serta keadaan obesiti. Justeru itu, pastikan tiada bekas tidak terpakai di sekitar rumah yang berpotensi menjadi tempat nyamuk Aedes bertelur dan membiak. Tidak peduli, maut bakal menanti. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
18 Ogos 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 30 dan ke- 31 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 31 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-31 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 31/2021  
(1 Ogos hingga 7 Ogos 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 31/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 31/2020	
		Minggu 31 (1 Ogos – 7 Ogos 2021)		Minggu 30 (25 Julai – 31 Julai 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	0	0	16	0	52	0
2	Kedah	7	0	11	0	350	0	601	0
3	P. Pinang	7	0	6	0	271	0	682	2
4	Perak	11	0	7	0	391	1	2,200	3
5	Selangor	301	0	311	0	9,764	2	34,090	32
6	WP KL & Putrajaya	72	0	81	0	1,969	1	7,437	6
7	N. Sembilan	5	0	8	0	382	1	1,903	7
8	Melaka	12	0	8	0	441	0	1,581	5
9	Johor	28	0	22	0	1,336	1	6,699	24
10	Pahang	7	0	3	0	303	1	1,920	6
11	Terengganu	0	0	0	0	30	0	262	0
12	Kelantan	1	0	1	0	131	0	2,817	5
13	Sarawak	8	0	6	0	256	0	1,211	2
14	Sabah	48	0	28	1	1,058	3	2,936	14
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>508</b>	<b>0</b>	<b>492</b>	<b>1</b>	<b>16,702</b>	<b>10</b>	<b>64,396</b>	<b>106</b>

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 31/2021  
(1 Ogos hingga 7 Ogos 2021)**

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	16	79
2	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 11/3	14	67
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Kajang Baru Sungai Chua	13	54
4	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Subang Murni Teres : Jalan U5/140-162)	11	54
5	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Perindustrian Sime UEP Subang (Jln TP)	22	53
6	WPKL	W/P Putrajaya	Presint 9-Fasa 12-Blok 12A1-12A3	20	51
7	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Putra (Lep 4)	31	51
8	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Lembah Permai	6	47
9	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/2	16	40
10	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Nusa Subang : Jln U5/102-U5/112)	9	40
11	SELANGOR	Petaling	E14. Bt 13 Kg Kenangan	7	39
12	SELANGOR	Petaling	E14. USJ 16 (Sri Tanjung)	15	38
13	SELANGOR	Hulu Langat	Jln 1-17 Kpg Baru Sungai Chua	5	38
14	KEDAH	Kota Setar	Tmn Sultan Badlishah	9	34
15	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Putera 1/1-11/1 Bandar Mahkota Cheras	4	33
16	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai TBR BB	8	32

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 31/2021 (7 Ogos 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	17	94
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	38	
2.	Kedah	Baling	4	122
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	20
		Kota Bharu	3	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	10	
4.	Melaka	Alor Gajah	3	25
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	21	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	4	4
6.	Perak	Kinta	9	176
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	30	45
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	6	
8.	Selangor	Gombak	23	131
		Hulu Langat	47	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	4	
		Sepang	6	



9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	39	267
		Kepong	99	
		Lembah Pantai	35	
		Titivangsa	94	
10.	Perlis	Kangar	1	1
<b>JUMLAH KUMULATIF</b>			<b>885</b>	